

22/02/1998

Dr Mahathir rajin membaca sejak kecil

Tajuddin Saman

"SAYA masih boleh bayangkan rupa parasnya waktu itu. Rambutnya pendek dan cering (tegak)," katanya memulakan cerita.

Mohd Zain yang lahir di Balik Pulau, Pulau Pinang dan lulus Senior Cambridge pada 1931, berkata beliau mula mengajar Dr Mahathir sejak Perdana Menteri di tahun dua sehinggalah tingkatan lima.

Menurutnya, pada asalnya Dr Mahathir belajar di Sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Star, tetapi dihantar ke GES sebaik memasuki tahun dua.

"Waktu itulah saya mengajarnya bahasa Inggeris. Di sekolah rendah, kehidupan Dr Mahathir sama saja seperti murid lain. Namun, sewaktu darjah lima atau enam, dia ke sekolah dengan "lanca" (sejenis pengangkutan popular pada waktu itu)," katanya yang berkhidmat di GES sejak Julai 1933.

Menurut Mohd Zain, Perdana Menteri memang sudah menunjukkan beberapa ciri kelainan sejak di sekolah rendah.

"Setiap hari saya lihat beg yang dibawanya selalu penuh dengan buku. Apabila beg yang dibawa berat, kadang-kadang terlintas dalam fikiran saya, apa yang budak ini bawa," katanya yang dipanggil Master oleh muridnya.

Beliau berkata, Dr Mahathir juga tidak gemar duduk di depan atau belakang, sebaliknya di tengah-tengah kelas.

"Dr Mahathir jarang mengangkat tangan dalam kelas, tetapi beliau biasanya akan menjawab soalan berkaitan pengetahuan am yang budak lain tidak boleh jawab," katanya.

Menurut Mohd Zain, Dr Mahathir mungkin memiliki pengetahuan am yang tinggi kerana di rumahnya banyak buku dan akhbar.

"Malah, seorang guru pada waktu itu, Augustine, pernah memberitahu saya, kalau hendak cari rumah yang banyak buku bahasa Inggeris, pergilah ke rumah Muhamad (bapa Dr Mahathir)," katanya.

Mohd Zain berkata, suasana di rumah yang dipenuhi buku dan akhbar secara tidak langsung boleh membentuk sifat rajin membaca.

"Sifat itu memang dapat dilihat pada diri Dr Mahathir sejak kecil lagi," katanya.

Beliau juga masih ingat mengenai sifat Dr Mahathir yang agak berbeza daripada murid lain, iaitu amat menghormati guru.

"Biasanya apabila loceng dibunyikan kira-kira jam satu, semua murid akan berlari tanpa mempedulikan guru kerana mahu cepat sampai ke rumah.

"Tapi Dr Mahathir tidak begitu. Dia biasanya akan berhenti dan beri laluan kepada guru dulu. Kalau dia tidak berundur pun, dia akan berdiri di situ seketika sehingga guru beredar," katanya.

Mohd Zain berkata, Dr Mahathir juga aktif berbahas dan menyertai hampir setiap acara perbahasan yang dianjurkan sekolah.

"Dia suka mengambil bahagian dalam acara bahas. Dalam bidang ini memang payahlah orang lain hendak kalahkannya," katanya.

Mohd Zain berkata, selepas perang Dunia Kedua, selain mengajar bahasa Inggeris, beliau juga ditugaskan mengajar bahasa Melayu dan Dr Mahathir terus menjadi muridnya sehinggalah Perdana Menteri menamatkan pengajian tingkatan lima di kolej itu.

Menurutnya, Dr Mahathir memang mempunyai kekuatan yang cukup tinggi dalam penguasaan bahasa Inggeris sehingga pernah dilantik menjadi editor majalah sekolah itu.

Mohd Zain berkata, beberapa tahun lalu pihak tertentu di Alor Star juga menjemputnya memperkatakan pandangannya mengenai Dr Mahathir sebagai seorang pelajar.

"Ketika itu saya pernah katakan di antara saya dan Dr Mahathir ada banyak persamaan. Misalnya, dia pernah tinggal di Seberang Perak, Alor Star, saya pun pernah tinggal di situ.

"Dia pernah tinggal berhampiran kilang ais di Seberang Perak, saya pula tinggal dekat kilang papan di tempat yang sama. Bapanya seorang guru, bapa saya pun guru," katanya.

Mohd Zain yang mempunyai lapan anak dan 20 cucu, berkata sebagai guru, beliau amat bangga melihat pencapaian tinggi muridnya seperti Dr Mahathir yang bukan saja muncul sebagai pemimpin ulung negara, tetapi mampu mencorakkan masa depan Malaysia dengan cemerlang.

Menurutnya, lebih membanggakan ialah sifat Dr Mahathir yang tidak pernah melupakan gurunya.

Setiap kali ada pertemuan tertentu, khususnya yang ada hubungan dengan KSAH, Zain pasti diundang.

Zain yang berkhidmat sebagai guru selama 36 tahun bersara pada 1969. Kini beliau bersama isteri, Datin Rahmah Puteh banyak terbabit melakukan kerja amal.

(END)